

No. Rujukan : LIPM: SPN/BPKB/01/1/4 (16)
Tarikh : 25 September 2025



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
IBU PEJABAT
Tingkat 11, CIDB 520
The MET Corporate Towers
No. 20, Jalan Dutamas 2, 50480 Kuala Lumpur
Careline: +603 5567 3300
E: www.cidb.gov.my

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN BERKENAAN KEPERLUAN MENGEMUKAKAN LAPORAN PERLEPASAN KARBON (*ENVIRONMENTAL PRODUCT DECLARATION*) BAGI PERMOHONAN *CERTIFICATE OF APPROVAL* (COA) MELALUI SISTEM EPERMIT

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Selaras dengan komitmen Kerajaan dalam memperkukuh agenda kelestarian serta menyokong aspirasi negara mencapai sasaran pelepasan sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang tahun 2050, langkah kawal selia baharu telah diperkenalkan bagi mempertingkatkan pemantauan terhadap impak karbon dalam sektor perindustrian dan pembinaan.
2. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah menambah baik mekanisme kelulusan *Certificate of Approval* (COA) dengan mewajibkan pengimport mengemukakan Laporan Perlepasan Karbon atau *Environmental Product Declaration* (EPD). Keperluan ini terpakai bagi produk panjang besi dan keluli terpilih iaitu **Bars, Cold Drawn Bars, Wire Rods dan Wire Products**.
3. Selaras dengan inisiatif tersebut, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan turut melaksanakan kewajipan yang sama berkuat kuasa **1 Oktober 2025**. Sehubungan itu, semua permohonan COA melalui sistem **ePermit** bagi pengimportan produk panjang besi dan keluli terpilih (Bars, Cold Drawn Bars, Wire Rods dan Wire Products) hendaklah disertakan dengan Laporan EPD.
4. Laporan EPD ini hendaklah:
(a) disediakan oleh pihak ketiga yang bebas (*Independent Third Party*); dan
(b) mematuhi keperluan piawaian antarabangsa **ISO 14025**.
5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan melalui e-mel kepada **qpass@cidb.gov.my**.

Sekian, dimaklumkan untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak tuan/puan. Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BINA SEMPURNA"


HJ. ABDUL RAZAK HUSIN
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
b.p Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

No. Rujukan : LIPM: SPN/BPKB/01/1/4 (/6)
Tarikh : 25 September 2025

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Tingkat 1-14, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur
(u/p: Dato' Akmal bin Che Mustafa – Setiausaha Bahagian Dasar dan Antarabangsa)

2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Menara MITI,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur.
(u/p: En Faizal Mohd Yusof)